



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



**Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia**

TEKS UCAPAN

Timbalan Pengarah (Khidmat Profesional)

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN NPQEL AMBILAN 1/2016

Tarikh:

10 Jun 2016 (Jumaat)

Tempat:

**Auditorium Dato' Razali Ismail
IAB Genting Highlands**

Yang Berusaha Haji Abd Razak bin Manaf

Pengarah, Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands.

Dr. Faridah binti Yakob

Timbalan Pengarah Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands

Encik Kamram bin Mohamad

Pendaftar Cawangan Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting
Highlands,

Encik Wan Othman Kamal bin Wan Yusof

Ketua Jabatan JPPPEP

Ketua-ketua Jabatan,

Pensyarah-pensyarah Kanan,

Pengurus dan Pengurus Bersama NPQEL

**Tuan-tuan dan puan-puan peserta Kursus NPQEL yang dihormati
sekalian,**

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama melahirkan rasa syukur kerana telah diberikan kesihatan dan kekuatan untuk berada bersama-sama di dalam auditorium pada hari ini terutama di bulan yang mulia dan penuh barokah ini.
2. Saya juga mengucapkan tahniah kepada semua peserta kursus NPQEL Ambilan 1/2016 seramai **258** orang kerana telah berjaya menamatkan kursus NPQEL yang bermula pada **10 Januari dan berakhir pada hari ini 10 Jun 2016**. Majlis ini amat bermakna kepada saya kerana mendapat peluang untuk bersama-sama dengan pemimpin dan bakal pemimpin sekolah yang akan memainkan peranan penting dalam mentransformasikan sistem pendidikan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Sesungguhnya cabaran utama para pemimpin hari ini ialah melunaskan semua perancangan berkaitan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Melalui tiga Gelombang Anjakan Transformasi yang dilaksanakan bermula 2013 hingga 2025 memerlukan berlakunya perubahan dalam sistem yang

memberi sokongan kepada guru dan memberi fokus kepada kemahiran utama, memacu peningkatan sistem dan menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan tadbir urus sendiri. Transformasi pendidikan akan terus diperkukuh dengan memberi tumpuan kepada keberhasilan murid berpandukan enam Aspirasi Murid dan lima Aspirasi Sistem yang telah ditetapkan di bawah PPPM.

3. Selaras dengan slogan Institut Aminuddin Baki iaitu, **“Menjana Pemimpin Sekolah Masa Hadapan”**, saya menaruh kepercayaan bahawa melalui kursus yang telah dijalani oleh peserta-peserta NPQEL hasrat murni tersebut akan dapat dicapai. Saya juga percaya bahawa pihak IAB akan bekerja keras untuk memastikan Anjakan Kelima, iaitu **“Memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah”** akan tercapai. Tuan-tuan dan puan-puan telah dibekalkan dengan ilmu pengurusan dan kepimpinan berkesan supaya mampu mengurus dan memimpin sebuah organisasi. Melalui kursus NPQEL, kewibawaan sedia ada dalam diri tuan-tuan dan puan-puan akan digarapkan dengan elemen-elemen kepimpinan berprestasi tinggi agar tuan-tuan dan

puan-puan cukup bersedia dan kompeten dalam mengendalikan dan menangani pelbagai isu yang terdapat di sekolah.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

4. Sekolah yang kita impikan pada hari ini ialah sekolah yang mampu menyediakan pendidikan bertaraf dunia dan berkeupayaan untuk melahirkan modal insan yang mindanya “*world class*” supaya kita mampu bersaing dengan negara-negara maju. Oleh itu, bakal pemimpin sekolah perlu mempunyai wawasan yang jelas, bercita-cita tinggi serta mampu melihat jauh ke hadapan dalam usaha membina kejayaan dan keunggulan. Seseorang pemimpin itu perlu berfikir di luar kebiasaan serta menggabungkan visi dan strategi sebagai satu kekuatan bagi membolehkan agenda transformasi menjadi kenyataan.
5. Selain itu, kepimpinan sekolah di negara kita juga memainkan peranan penting ke arah pencetusan kreativiti dan inovasi dalam kalangan warga sekolah bagi menjana transformasi pendidikan

negara. Ini disebabkan pengetua atau guru besar merupakan agen perubahan yang berada di barisan hadapan dalam memacu arus perubahan agar sentiasa dinamik dan progresif.. Sementelahan pula, pemimpin sekolah perlulah berfikiran jauh, pemikiran terbuka, sedia mendengar pandangan orang lain dan mempunyai kewibawaan dalam mencorakkan pelbagai pembaharuan dalam organisasi sekolah, Ini adalah kerana kejayaan dan perkembangan sesebuah organisasi pendidikan banyak bergantung kepada kepimpinan yang bersifat kreatif dan inovatif. Oleh itu, kepimpinan sekolah perlulah mengorak langkah dalam mencanai perancangan strategik dan menyatukan aspirasi bagi memastikan sekolah mampu merealisasikan matlamat transformasi pendidikan negara.

6. Pemimpin adalah golongan yang mampu merencanakan hala tuju masa depan organisasi yang dipimpin serta berwawasan dan bermotivasi tinggi. Visi dan misi harus sentiasa diingati, disebut berulang-ulang kali sehingga sehati di dalam diri dan sentiasa dihayati. Frank Tibolt di dalam bukunya *A Touch Of Greatness* berkata, **“Biasanya orang yang berjaya dalam hidup adalah**

orang yang mempunyai matlamat yang jelas dan tidak pernah melupakannya di mana sahaja mereka berada.”

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

7. Tidak ada mana-mana pihak yang boleh membelakangkan pihak lain kerana hanya ingin mencipta kejayaan sendiri. Kebersamaan dalam setiap tindakan akan memastikan hasil kerja bersifat bersepadu dan menyeluruh. Begitu jugalah kesepaduan idea dan tindakan akan memastikan matlamat bersama akan dapat dicapai. Pemimpin dan ahli organisasinya harus mempunyai visi dan misi yang sama lantas hala tuju juga semestinya sama. Penyelarasan setiap segmen yang dibincang mestilah ke arah matlamat yang satu. Lantaran itu, seorang pemimpin perlu meyakini ketulusan budi dan ketelusan bakti dalam melaksanakan tugas kepimpinan, kerana itu merupakan jaminan untuk mencapai kejayaan. Ini juga akan dapat mewujudkan persekitaran kerja yang lebih harmoni, malah akan menzahirkan perhubungan akrab dalam organisasi.

9. Sememangnya besar harapan Kementerian Pendidikan Malaysia agar kepimpinan berprestasi tinggi yang mampu menjayakan agenda transformasi negara dapat dilahirkan melalui kursus NPQEL. Tuan-tuan dan puan-puan yang dipilih ini telah melalui saringan yang cukup ketat dengan mengambil kira aspek keunggulan personaliti, keupayaan kepimpinan, penguasaan pengetahuan dan berkemahiran dalam teknologi semasa. Melalui Model Kompetensi Pemimpin Sekolah, diharap keterampilan pemimpin keluaran NPQEL akan lebih terserlah dan sentiasa relevan dengan keadaan semasa kerana kurikulum hasilan IAB ini menekankan elemen latihan dan pembangunan berterusan.
10. Semasa mengikuti kursus yang memakan masa hampir 20 minggu, tuan-tuan dan puan-puan diharap dapat memainkan peranan yang proaktif dalam menyediakan diri untuk menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan, menajamkan kemahiran dan jalankan juga refleksi sendiri dengan tujuan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri supaya dapat tuan-tuan dan puan-puan merancang pembangunan diri secara berterusan. Perkara tersebut sangat penting dan menjadi

keutamaan dalam memastikan tuan-tuan dan puan-puan cukup bersedia untuk menggalas cabaran hebat dan lebih kompleks apabila bergelar 'pengetua' atau 'guru besar' nanti.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Akhir kata, sebelum mengundurkan diri saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kepada semua kerana telah berjaya menamatkan kursus NPQEL ini. Saya juga berharap semoga tuan-tuan dan puan-puan akan terus berusaha melengkapkan diri agar menjadi suri teladan dan rujukan kepada para guru, berkebolehan untuk menginterpretasikan perubahan dalam sekolah, berkemahiran menggunakan gaya kepimpinan yang bersesuaian dan tepat pada situasi yang berlainan, mampu memotivasikan guru, staf dan pelajar serta mampu menjadi pemimpin pendidikan yang kompeten. Usaha dengan semangat yang kental dan berterusan jika digembleng secara bersepadu dan tersusun melalui konteks budaya dan tradisi akan mampu menjayakan hasrat dan aspirasi mentransformasikan

pendidikan negara seperti yang diungkapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

